

**NO. SOALAN: 30**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh  
[Bukit Gelugor]**

**TARIKH : 3 OGOS 2017**

**RUJUKAN : 10018**

**SOALAN:**

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan laporan-laporan polis yang dibuat oleh Maria Chin bt Abdullah berkenaan ugutan-ugutan bunuh yang dibuat terhadapnya, keluarganya, Dato S. Ambiga dan Mandeep Singh a/l Karpall Singh di dalam laporan-laporan polis Kelana Jaya/011249/16 dan Sg Senam/008704/16

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

PDRM telah menjalankan siasatan berkait Kelana Jaya repot 011249/16 di mana pengadu telah menerima mesej melalui aplikasi *Whatsapp* yang menunjukkan gambar pengadu dan anaknya di mana seorang lelaki yang berpakaian hitam dan bertopeng hitam meletakkan sebilah pisau di leher gambar pengadu dan anaknya. Kes disiasat di bawah Seksyen 507 Kanun Keseksaan. Kertas siasatan telah dikemukakan kepada Timbalan Pendakwaraya pada 12 April 2017 dan menunggu laporan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) terhadap ugutan yang dibuat melalui *Whatsapp*.

Manakala bagi laporan polis berkait Sg. Senam Repot : 8704/16, kes ini disiasat di bawah Seksyen 507 Kanun Keseksaan. PDRM masih meneruskan siasatan berkaitan kes ini.